



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN GABUNGAN
MAJLIS GURU BESAR MALAYSIA**

**KONVENSYEN PENDIDIKAN KEBANGSAAN KE-23 DAN
PERSIDANGAN PERWAKILAN KEBANGSAAN KE-35 TAHUN 2017
BERTEMPAT DI IXORA HOTEL, PERAI, PULAU PINANG**

PADA

18 JULAI 2017 (SELASA)

“KETERBUKAAN PENDIDIKAN DI PERSADA ANTARABANGSA”

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Tuan Saari bin Osman
Pengarah Pendidikan Pulau Pinang

Yang Berusaha Tuan Jamil bin Mohamad
Timbalan Pengarah Pendidikan Pulau Pinang

Pengarah Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia,

Pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Negeri,

Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah,

Yang DiPertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM),

Wakil Majlis Pengetua Sekolah Menengah, Barisan Exco dan Pegawai
GMGBM,

Dato'-Dato', Dif-dif Jemputan, Tuan-tuan, Puan-puan dan warga
pendidik yang saya hormati sekalian.

Pendahuluan

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana berkat izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita hadir di Dewan Ixora Hotel, Perai ini sempena Konvensyen Pendidikan Kebangsaan ke-23 dan Persidangan Kali ke-35 Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM) Tahun 2017. Saya merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada Jawatankuasa Pengelola yang diterajui oleh Majlis Guru Besar Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang atas penganjuran konvensyen selama empat hari yang bertemakan “**KETERBUKAAN PENDIDIKAN DI PERSADA ANTARABANGSA**”.

2. Sesungguhnya, program tahunan Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM) ini mencerminkan kesepakatan dan komitmen GMGBM terhadap peranan dan sumbangan para guru besar yang menjadi tulang belakang dalam menentukan hasrat dan cita-cita murni kementerian tercapai. Kehadiran tuan/puan ini jelas membuktikan sokongan, dokongan dan semangat untuk melestarikan bidang pendidikan secara holistik demi memartabatkan sistem pendidikan negara. Saya menyokong usaha murni GMGBM menjadikan konvensyen dan persidangan ini sebagai satu wadah ke arah menjadi pemimpin organisasi yang sentiasa peka dengan perkembangan dunia pendidikan.

3. Guru besar juga merupakan penentu kejayaan dasar transformasi pendidikan yang diilhamkan oleh kepimpinan negara dan Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM). Perkongsian ilmu dan kerjasama sebeginilah yang menjadi daya penggerak bagi menjamin kualiti pendidikan terus mencapai tahap cemerlang. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

4. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua guru besar kerana telah melaksanakan tanggungjawab mengurus dan memimpin bidang pendidikan yang telah diamanahkan dengan jayanya. Dari tahun ke tahun kita dapat melihat kemajuan yang membanggakan daripada segi kualiti pengurusan sekolah di negara ini. Hal ini jelas menunjukkan usaha yang berterusan KPM dan juga tuan-tuan dan puan-puan untuk meningkatkan kecemerlangan pengurusan sekolah dan memartabatkan profesion keguruan. Saya yakin, berkat usaha yang bersungguh-sungguh pastinya kita akan berjaya meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negara ini.

Tema Konvensyen

YB Dato', Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

5. Tema konvensyen pendidikan tahun 2017 ini iaitu **“KETERBUKAAN PENDIDIKAN DI PERSADA ANTARABANGSA”** adalah sangat bertepatan dengan kesediaan dan pencapaian yang diutamakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Perkara ini berkait rapat dengan tanggungjawab para guru besar yang memainkan peranan penting sebagai ketua atau peneraju institusi pendidikan bagi menyempurnakan akhlak murid serta membentuk insan seimbang dan berperibadi unggul.

6. Malah guru besar sebagai arkitek sosial yang sememangnya memikul tugas besar, bukan sekadar memimpin para guru dalam memberi pendidikan dan menyampaikan ilmu, malah dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan transformasi pendidikan yang dicita-citakan negara. Pembinaan tamadun ilmu bakal terhasil apabila ilmu diberikan status sebagai 'the highest good' dalam pembentukan peradaban insan sejagat. Budaya ilmu yang sebenar akan memberi peluang yang saksama kepada semua warga pendidikan untuk mengejar dan mengamalkan ilmu dalam kehidupan.

7. Penyediaan pendidikan berkualiti bukan sahaja melibatkan aspek pembangunan prasarana pendidikan yang serba lengkap dan moden, tetapi juga aspek kualiti kurikulum dan guru. Bagi memastikan rakyat mendapat akses kepada pendidikan berkualiti, KPM sentiasa memastikan ketiga-tiga aspek ini diberikan keutamaan. Di samping itu, untuk mewujudkan persekitaran yang selamat di sekolah, Kementerian Pendidikan juga memberikan perhatian yang serius kepada usaha meningkatkan mutu disiplin dalam kalangan pelajar, terutamanya dengan menangani gejala gangsterisme dan perlakuan-perlakuan anti-sosial yang melibatkan murid-murid sekolah secara bekerjasama dengan pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

8. Selain daripada itu, kepimpinan sekolah juga mempunyai peranan yang penting dalam memastikan penyampaian pendidikan yang berkualiti kepada murid. Ini kerana kualiti pendidikan di sekolah amat bergantung kepada ketrampilan dan profesionalisme yang dimiliki oleh guru-guru besar dan guru-guru. Guru Besar juga perlu berupaya menawarkan kepimpinan dan pengurusan yang berkualiti dalam

mengurus pembelajaran formal dan tidak formal di sekolah masing-masing. Kualiti murid kita hanya akan terjana menerusi amalan pengurusan yang berkualiti dan beretika serta mementingkan budaya ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat.

Kualiti Pendidikan

YB Dato', Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

9. Kita sedar bahawa kualiti bukanlah satu destinasi, tetapi satu perjalanan yang berterusan. Sesuatu yang dianggap berkualiti pada hari ini mungkin tidak lagi berkualiti pada esok hari, atau pada masa akan datang. Oleh itu, pencapaian kualiti memerlukan perubahan. Jika kita tidak berubah seiring dengan perubahan semasa dan perkembangan teknologi, kita akan ketinggalan. Kita perlu mempunyai semangat dan kemahuan untuk berubah ke arah kebaikan kerana semangat ini akan membuatkan kita sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi sebarang bentuk cabaran sekalipun.

10. Kita juga perlu mengurus perubahan dengan cekap. Untuk berjaya mengurus perubahan kita perlu melakukan perubahan minda serta membuat penyesuaian nilai dan norma yang menjadi pegangan. Pada hemat saya, dalam konteks perubahan yang wujud dalam masyarakat hari ini, kepimpinan pendidikan perlu menekankan tentang pentingnya penyesuaian dibuat sebagai respon kepada perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Kepimpinan pendidikan perlu mempunyai keupayaan untuk melakukan perubahan sosial yang membina, dengan

mengenal pasti kelemahan dan seterusnya mengambil pendekatan strategik untuk menangani sebarang isu dan permasalahan.

11. Peranan Majlis Guru Besar (MGB) adalah amat penting dalam usaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. MGB mempunyai segala sumber dan kekuatan untuk bersama-sama menjayakan agenda ini. Saya mengesyorkan agar persidangan pada kali ini turut membincangkan secara terperinci mengenai pendekatan strategik untuk memperkasakan sekolah kebangsaan termasuk aspek pembangunan "*soft infrastructures*".

12. Saya percaya Majlis Guru Besar boleh memainkan peranan memastikan pengurusan kurikulum menepati definisi dan kehendaknya. MGB juga boleh membantu meningkatkan keupayaan pengurusan kurikulum dalam kalangan ahli. Antara ciri-ciri utama Guru Besar sebagai pemimpin kurikulum ialah berkeupayaan untuk melaksanakan kepimpinan transformasional; mengendalikan "developmental supervision" dan merancang latihan-latihan yang tersusun untuk membimbing guru-guru di bawah kawalan masing-masing. Di situlah terletaknya peranan sebenar seorang guru besar yang profesional. Saya amat yakin, jika ciri-ciri kepimpinan profesional ini dapat diterapkan di sekolah-sekolah, matlamat Kementerian untuk melahirkan guru-guru yang berketrampilan dan murid yang cemerlang pasti dapat dicapai.

YB Dato', Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

13. Guru Besar juga kadangkala mempunyai pendapat dan pendirian peribadi terhadap sebarang dasar dan tindakan kerajaan. Dalam hal ini,

saya ingin menegaskan bahawa, guru besar sebagai pelaksana dasar dan penjawat awam, perlu menyokong usaha Kerajaan dalam melaksanakan segala dasar yang digubal demi kepentingan rakyat dan masa depan negara. Guru besar dan Kerajaan mesti berdiri di saf yang sama, di atas satu hasrat dan landasan yang sama, iaitu untuk membawa negara ke mercu kegemilangan.

14. Saya meletakkan harapan yang tinggi kepada guru-guru besar untuk mencipta kejayaan dan kecemerlangan sekolah. Saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan sebagai pemimpin sekolah akan terus memberikan khidmat yang cekap dan berkesan, sekali gus menjana potensi murid ke tahap yang optimum. Saya menyeru kepada ahli persidangan sekalian agar menggunakan segala kesempatan dan ruang perbincangan yang ada dalam persidangan ini untuk menghasilkan natijah yang boleh dijadikan garis panduan dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pendidikan. Begitu jua, saya mendoakan semoga persidangan ini beroleh kejayaan dan keberkatan Allah SWT.

Transformasi Pendidikan

YB Dato', Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

15. Dasar Transformasi Pendidikan Negara hanya akan dapat dicapai seandainya, guru besar meningkatkan kefahaman tentang hala tuju negara dalam bidang pendidikan untuk meningkatkan keberkesanan pendidikan sekolah rendah sebagai pemangkin kepada visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia. Tema konvensyen ini membuktikan, guru besar adalah merupakan tonggak kejayaan pendidikan. Tuan/puan

perlu memainkan peranan yang proaktif dalam menjayakan transformasi ini. Pengurusan sekolah masa kini sememangnya mencabar dengan pelbagai isu dan perkembangan baharu dalam sistem pendidikan. Justeru, tuan/puan perlu sentiasa bersedia dengan pelbagai langkah dan pendekatan untuk mengatasi cabaran dan halangan yang dilalui sepanjang melaksanakan tugas mentadbir sekolah.

16. Transformasi sistem pendidikan negara menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 turut menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi menjana pemikiran murid daripada peringkat akar umbi dan diharap KBAT dapat melahirkan murid yang berdaya saing menjelang abad ke-21. Bermula 2016, peratusan soalan pemikiran aras tinggi telah ditambah sebanyak 50 peratus dalam peperiksaan UPSR dan peperiksaan awam lain.

17. Selain itu, dengan KBAT saya harap murid dapat menilai iaitu membuat pertimbangan berdasarkan kriteria dan standard melalui kaedah memeriksa dan mengkritik selain mencipta sesuatu atau struktur yang baharu. PPPM 2013 - 2025 yang memberi penekanan khusus terhadap aspirasi akal dan budi juga dinilai melalui transformasi besar-besaran dalam sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sebagai teras pembangunan murid secara holistik. Dalam konteks ini, guru besar berperanan memberi pemahaman yang telus kepada guru yang ditadbir dan juga waris murid sebagai persediaan di peringkat sekolah rendah. Saya begitu yakin dengan kredibiliti para guru besar di hadapan saya ini untuk menjadi penyalur maklumat yang baik dan pencetus transformasi pendidikan negara seperti yang diharapkan.

18. Sebelum mengakhiri ucapan ini, besarlah harapan saya agar konvensyen dan persidangan yang diadakan ini dapat membakar semangat tuan/puan untuk mengintegrasikan hasil positif dan mengadaptasi penemuan terbaharu bagi memantapkan lagi sistem pendidikan negara dan melancarkan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Di samping itu, manfaat yang diperolehi melalui penganjuran konvensyen pendidikan ini dapat membina jaringan sokongan dan hubungan intelektual dua hala dengan warga pendidik di peringkat akar umbi hinggalah kepada pihak pengurusan tertinggi.

19. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus menjayakan konvensyen pendidikan dan persidangan GMGBM pada kali ini. Saya juga menyeru kerjasama semua pihak khususnya warga KPM supaya terus memberi komitmen padu dalam membudayakan pembinaan ilmu dan penyempurnaan akhlak melalui perkongsian ilmu, perancangan yang komprehensif dan berterusan demi memartabatkan sistem pendidikan negara agar menjadi sistem yang terunggul di dunia.

Dengan lafaz yang mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, sukacitanya saya merasmikan Konvensyen Pendidikan Kebangsaan ke-23 dan Persidangan Kali ke-35 Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia Tahun 2017. Sekian, *Wabillahi Taufik Wal-hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.